



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 19 NOVEMBER 2023**

- 1. TAMBAH BENIH PADI DI AKHIR MUSIM SUDAH TERLEWAT –  
MINGGUAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

**KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

# Tambah benih padi di akhir musim sudah terlewat

Oleh **AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN**  
[utusannews@mediamula.com.my](mailto:utusannews@mediamula.com.my)

**PETALING JAYA:** Bekalan bahan Benih Padi Sah (BPS) inisiatif yang baik, namun terlewat selepas diagihkan di akhir fasa menabur yang berakhir Selasa ini.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, (PeSAWAH), Mohd. Fuad Yaacob berkata, kawalan bekalan benih padi sepatutnya dipandang serius di awal musim menabur benih, bukan sebaliknya.

Beliau berkata, ini kerana pesawah sukar mendapatkan benih padi mencukupi dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di awal musim.

Justeru, pesawah terpaksa membeli terus benih padi dengan ejen pengeluar yang menjualnya pada kadar RM10 lebih tinggi berbanding cuma RM45 melalui PPK.

"Musim menabur bermula hujung September lagi, tetapi sukar untuk dapat benih pada

## 69,654 kampit benih padi diagih ke Kedah, Perlis

**Dari muka |**  
Mengesahkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, keputusan tersebut dibuat menerusi mesyuarat jawatankuasa permohonan tambahan kuota benih padi sah bil. R2023 bertarikh 17 November.  
Menurut beliau, tindakan drastik itu adalah untuk memastikan bekalan beras putih



AZMAN MAHMOOD

"Jika tidak mengikut ratio yang betul, ia menjejaskan tanaman kerana akan tumbuh bersama rumput. Jadi laksanakan prosedur betul."  
"Justeru PMADA dan agensi lain akan memberi tunjangan."



masa itu sehingga ada pesawah yang tidak dapat memulakan proses menabur benih padi lagi.

"Oleh itu, kalau di saat akhir ini baharu ada pasukan petugas khas, sudah tidak ada makna bagi kami sebab petani terpaksa beli benih padi yang mahal dengan ejen pengeluar untuk cepat mulakan proses menabur.

"Jadi, kita mempersoalkan mengapa benih padi PPK yang dipesan dengan pengeluar di

awal musim susah dapat, tetapi sekarang ini senang pula dapat. Misalnya PPK pesan 6,000 atau 10,000 beg, jika dua bulan baru tiba, jadi sampai bila boleh menabur?"

"Sepatutnya kawalan di awal musim lagi, ini seolah-olah lambat apabila akhir musim baharu ada. Jadi kita harap kementerian teliti perkara ini sebab sampai bila perlu tunggu sehingga akhir musim untuk dapatkan harga

pada RM45," katanya ketika dihubungi, semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan meluluskan serta-merta pengagihan 69,654 kampit BPS ke Kedah dan Perlis bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan itu dihadapi pesawah di kedua-dua negeri itu.

Daripada jumlah tersebut, 40,000 kampit dihantar kepada PPK untuk diagihkan kepada pesawah-pesawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) manakala baki 29,654 kampit lagi diedar kepada pesawah bukan bawah MADA.

Mengulas lanjut, Mohd. Fuad berkata, PeSAWAH mencadangkan subsidi benih padi diberikan terus kepada pesawah dan bukannya pengeluar.

"Kalau beri pada pengeluar, pesawah rugi jika guna benih sendiri kerana tidak boleh tebus subsidi. Subsidi ini kena ada belian baharu boleh tebus.

"Jadi, sekiranya subsidi terus dimasukkan ke akaun pengusaha sawah, jadi tidak lah rugi kalau buat benih sendiri," katanya.